

Dewan Ra'ayat Yang Pertama

Persekutuan Tanah Melayu

Penggal Kelima

Atoran Urusan Meshuarat

No. 8

Hari Rabu, 14hb. Ogos, 1963 pukul 10 pagi

30

Pertanyaan2 Bagi Jawab Mulut

- \*1. Enche' V. Veerappen bertanya kepada Menteri Pelajaran apa sebab2-nya banyak jumlah2 murid2 yang tiada lulus Pepereksaan M.S.S.E. (Pepereksaan darjah Enam) dalam Sekolah2 Rendah jurusan China, Tamil dan Inggeris yang menerima bantuan penoh dari Kerajaan.
- \*2. Enche' V. Veerappen bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah beliau akan mengambil langkah2 supaya di-kaji sa-mula sharat2 Pepereksaan Sijil Rendah (L.C.E.) dan dengan itu dapat di-jalankan satu sistem sa-laras dengan Pepereksaan Sijil Cambridge, di-mana murid2 yang mempunyai kebolehan yang luar biasa dalam sa-tengah2 perkara, terutama sa-kali dalam 'Ilmu Hisab dan 'Ilmu Sains, tidak-lah terpaksa menerima keputusan tiada lulus Pepereksaan itu sa-mata2 kerana mereka lemah dalam Bahasa Inggeris.
- \*3. Enche' V. Veerappen bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah benar bahawa sa-orang guru laki2 lepasan Pusat Latehan Perguruan Harian yang mempunyai kelulusan Sijil Persekolahan mendapat gaji tambahan sa-banyak \$15 jika ia lulus Bahasa Melayu di-peringkat Pepereksaan Sijil Rendah (L.C.E.) pada hal sa-orang guru perempuan dengan kelulusan2 yang sama mendapat gaji tambahan hanya sa-banyak \$7.50, dan jika benar terangkan sebab2 berlaku-nya perbezaan ini, jika tidak, apa yang sa-benar-nya.

Atoran Urusan Meshuarat dan Pemberitahu Usul2

1. Usul di-keluarkan oleh Perdana Menteri dan masaalah di-chadangkan -

Bahawa Majlis ini mengambil ingatan akan kehendak ra'ayat Borneo Utara, Sarawak dan Singapura supaya di-sekutukan dalam sa-buah Negara Malaysia dengan Negeri2 yang ada sekarang ini dalam Persekutuan Tanah Melayu menurut perjanjian yang telah di-tanda-tangan di London pada 9hb Julai, 1963, dan dengan ini ada-lah mengesahkan perjanjian itu.

Pindaan yang berikut ini telah di-chadangkan oleh Enche' Tan Phock Kin:-

"Di-potong perkataan "dengan ini ada-lah mengesahkan perjanjian itu" yang di-hujung Usul ini, dan gantikan dengan perkataan "belum lagi di-pastikan, dengan ini di-tanggohkan pengesahan perjanjian itu."

Masaalah di-bahathkan lagi di-atas pindaan (13hb Ogos, 1963)

- |                                                                                   |     |                        |
|-----------------------------------------------------------------------------------|-----|------------------------|
| 2. (DR. 3/63) Rang Undang2 Perlembagaan (Pindaan)                                 | ... | Bachan Kali Yang Kedua |
| 3. (DR. 9/63) Rang Undang2 Malaysia                                               | ... | "                      |
| 4. (DR. 8/63) Rang Undang2 Imigreshen                                             | ... | "                      |
| 5. (DR. 13/63) Rang Undang2 Kumpulan Wang Negara<br>(Perbelanjaan Belum Berjelas) | ... | "                      |
| 6. (DR. 16/63) Rang Undang2 Lembaga Penasihat Chukai                              | ... | "                      |
| 7. (DR. 11/63) Rang Undang2 Polis di-Raja Malaysia                                | ... | "                      |
| 8. (DR. 12/63) Rang Undang2 Pinjaman (Pertarohan<br>yang di-dulukan)              | ... | "                      |
| 9. (DR. 14/63) Rang Undang2 Pelajaran (Pindaan)                                   | ... | "                      |
| 10. (DR. 15/63) Rang Undang2 Bank Negara Tanah<br>Melayu (Pindaan)                | ... | "                      |
| 11. (DR. 17/63) Rang Undang2 Perkapalan<br>Pedagang (Pindaan)                     | ... | "                      |

12. Menteri Kewangan akan menhadangkan:

Bahawa Majlis ini menetapkan ia-itu sa-jumlah wang tidak lebih daripada \$27,832,230 hendak-lah di-keluarkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan dalam tahun Kewangan 1963, dan bagi maksud Kepala2 dan Pechahan Kepala yang di-terangkan dalam ruangan yang kedua dalam Kenyataan yang terbentang di-atas Meja Meshuarat sa-bagai Kertas Titah No. 24 tahun 1963, hendak-lah di-untukkan jumlah wang yang di-sebutkan bertentangan dengan Kepala2 dan Pechahan Kepala yang tersebut dalam ruangan yang kedelapan dalam Kenyataan itu.

13. Menteri Kewangan akan menhadangkan:

Bahawa Majlis ini memutuskan ia-itu, menurut kuasa2 yang terserah ka-atas-nya dalam sekshen kechil (2) sekshen 10 dalam Undang2 Kastam, tahun 1952, Perintah Chukai2 Kastam (Pindaan) No. 6 tahun 1963, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Surat Undangan No.48 tahun 1963 di-sahkan.

14. Menteri Kewangan akan menhadangkan:

Bahawa Majlis ini memutuskan ia-itu menurut sharat2 dalam sekshen kechil 4 dalam sekshen 10 daripada Undang2 Peratoran Kewangan tahun 1957, Jadual Yang Kedua kepada Undang2 tersebut hendak-lah di-pinda dengan di-tambah perkara baharu saperti berikut -

"The Association of South-East Asia Fund."

15. Enche' Zulkiflee bin Muhammad akan menhadangkan:

Bahawa oleh kerana Parti Perikatan tiada mendapat mandat sa-penoh-nya hendak menubuhkan Malaysia, maka suatu shor hendak-lah di-persembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong meminta di-bubarkan Parlimen dengan serta-merta supaya ra'ayat dapat menyatakan fikiran melalui Pilehan Raya Umum berkenaan dengan masaalah ini.

16. Enche' V. Veerappen akan menhadangkan:

Bahawa Majlis ini sungguh pun sedar akan kesusahan kerja Polis terutama sa-kali orang2 dalam Jabatan Siasat Jenayah, tetapi susah hati benar atas perbuatan menyalah-gunakan kuasa2 yang di-beri kepada Polis menurut undang2 negeri ini, dan meminta Menteri Keselamatan Dalam Negeri mengelakkan perbuatan menyalah-gunakan kuasa2 itu.

17. Enche' V. Veerappen akan menhadangkan:

Bahawa memandang kepada banyak-nya bilangan orang2 yang di-hadkan tempat tinggal-nya menurut kuasa2 dalam Undang2 Menentang Jenayah dan Undang2 Menghadkan Tempat Tinggal, dengan tidak ada peluang bagi orang2 itu menukar kelakuan, Kerajaan hendak-lah di-desak supaya mengambil langkah2 untuk mengadakan peluang2 bagi orang2 itu menjadi warga negara yang berguna.

18. Enche' V. David akan menhadangkan:

Bahawa Majlis ini meminta kepada Kerajaan untuk meng<sup>g</sup>antikan Undang2 Ibu Kota Tersektuan Tanah Melayu dengan suatu Undang2 yang mensharatkan supaya Ahli2 Majlis Meshuarat Perbandaran, Kuala Lumpur, di-pilih semua sa-kali oleh orang ramai.

19. Enche' V. David akan menhadangkan:

Bahawa oleh kerana Majlis ini merasa sangat kkuatir atas perbuatan tuan2 punya Sharikat Art Printing Works, Kuala Lumpur, menghalang masuk akan pekerja2 ka-Bangunan Sharikat itu, dan oleh kerana memandang kepada kesusahan2 yang di-alami oleh pekerja2 Sharikat yang tersebut, maka Majlis ini menyeru Kerajaan supaya melantek sa-buah Surohanjaya dengan di-beri tugas luas untuk menjalankan tugas-nya menyelidek akan sebab2 perselisihan ini dengan tujuan menyelesaikan-nya.

Risalat2 Yang di-Bawa Ka-dalam Meshuarat

1963

Tarikh di-bawa

Cmd. 29

Kenyataan Kerajaan berkenaan dengan Penyata  
Jawatan-Kuasa membahagi2kan Estet.

... 13hb Ogos, 1963.